



## **SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG JURUTERA**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : KEJURUTERAAN

**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA

**GRED JAWATAN/GAJI** : JA5

### **JADUAL GAJI:**

<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
RM 1,650.00	RM 6,620.00	RM 145.00

### **ELAUN:**

Imbuan Tetap Khidmat Awam	: RM 160.00
Imbuan Tetap Perumahan	: RM 300.00
Bantuan Sara Hidup	: RM 350.00

### **SYARAT LANTIKAN:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Sijil Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred JA5: RM1,731.00); atau  
(ii) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred JA5: RM2,005.00)

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**TARAF JAWATAN** : TETAP

**LOKASI** : UTM KUALA LUMPUR

### **SYARAT TAMBAHAN:**

1. Memperoleh sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat SPM/SPMV.
2. Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik. Boleh berbahasa dan menulis dalam bahasa Inggeris.
3. Perokok adalah sangat tidak digalakkan memohon.
4. Sahsiah:
  - i. Mempunyai disiplin diri yang positif.
  - ii. Berketerampilan baik dan kemas.
  - iii. Semangat kerja berpasukan dan kerjasama yang tinggi.
  - iv. Sentiasa fokus kepada tugas yang dipertanggungjawabkan.
  - v. Bersedia menerima beban tugas yang lebih mencabar.
  - vi. Komitmen kerja yang sangat tinggi.
  - vii. Berkemampuan melaksanakan tugas melebihi tugas hakiki.
  - viii. Berkemampuan bekerja dalam apa jua situasi (*work under pressure*).
  - ix. Bersedia melaksanakan tugas dengan penuh integriti, akauntabiliti dan ikhlas.

### **KRITERIA TAMBAHAN:**

1. Bidang Kemahiran: **Kejuruteraan Awam**
  - Kemahiran Tambahan: **Berkemahiran dalam bidang IT, pengendalian perisian, baik pulih komputer dan pengurusan data.**
2. Bidang Kemahiran: **Kejuruteraan Mekanikal**
3. Bidang Kemahiran: **Kejuruteraan Kimia / Teknologi Kejuruteraan Kimia**
  - Pengkhususan: **Bioproses / Bioteknologi / Kimia**
4. Lulus temubual yang dijalankan di peringkat Fakulti
5. Lulus Ujian Kompetensi yang ditetapkan di peringkat Fakulti.

### **DESKRIPSI TUGAS:**

1. Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Elektrik.
2. Mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan.
3. Merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek.
4. Menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender.
5. Menjalankan kerja penyenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian dan penyenggaraan berkala peralatan elektrik
6. Merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saluran serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

## **CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:**

- 1) Pemohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian (*online*) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
- 2) Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
- 3) Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat dan permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses dan akan dianggap tidak berjaya.
- 4) Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
- 5) Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. **(Pengesahan oleh Pegawai Kerajaan Gred A dan ke atas)**
- 6) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 7) Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan/Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan **Buku Perkhidmatan** dan **Laporan Penilaian Prestasi** terkini melalui pos kepada :

**Seksyen Sumber Manusia  
Bahagian Pendaftar  
Universiti Teknologi Malaysia  
Jalan Sultan Yahya Petra  
54100 Kuala Lumpur**